

05 SEP 1998

Hishammuddin-Pemuda

HISHAMMUDDIN MINTA ANGGOTA PEMUDA UMNO BERTENANG

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Naib ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein meminta anggota-anggota pergerakan itu tidak mengambil tindakan terburu-buru dalam menghadapi isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti.

Beliau berkata sebagai anggota Umno, mereka dituntut untuk menghormati kepimpinan parti.

Menurutnya, segala keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi sudah pasti untuk kebaikan dan kesejahteraan anggota-anggota parti.

"Sekarang ketaatan dan kesetiaan kita diuji. Justeru itu, kita perlu senantiasa mengutamakan kepentingan parti daripada kepentingan individu," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, sebahagian besar Exco Pemuda Umno dan ketua-ketua pemuda bahagian telah mencapai ketetapan untuk berdiri teguh menyokong kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta memberi kepercayaan kepada Majlis Tertinggi menangani isu itu.

"Kita yakin Umno akan dapat menyelesaikan perkara ini dengan caranya yang tersendiri," kata Hishammuddin yang juga Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

Anwar dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada Rabu lepas dan bekas Timbalan Presiden Umno itu dipecat daripada parti keesokannya.

Beliau juga melahirkan rasa kesal dan kecewa terhadap tindakan pihak luar yang cuba campur tangan dalam menentukan urusan dalaman Umno.

"Penglibatan NGO khususnya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang memeralatkan dan mempengaruhi segelintir cendekiawan dan mahasiswa untuk mencapai hasrat dan kepentingan mereka adalah tindakan yang liar dan tidak bertanggungjawab," katanya.

Hishammuddin menasihati golongan mahasiswa agar jangan sewenang-wenangnya mengizinkan diri mereka diperalat dan digunakan atas nama obor reformasi rakyat yang terang-terang menentang kerajaan.

"Mereka harus matang dan rasional serta meneliti fakta sebelum membuat keputusan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Wilayah Persekutuan Abdul Azim Mohd Zabidi berkata mana-mana exco Pergerakan Pemuda Umno yang meragui tindakan Majlis Tertinggi memecat Anwar patut meletakkan jawatan.

Katanya, Pemuda Wilayah Persekutuan merasa kesal terhadap sikap Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi yang meragukan dan yang tidak menunjukkan pendirian yang tegas berhubung pemecatan Anwar.

Malah sehingga isu ini sudah berlarutan, Ahmad Zahid masih belum memanggil mesyuarat khas Exco pergerakan itu untuk berbincang dan menyatakan pendirian rasmi Pemuda, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Justeru itu, kata Abdul Azim, Pemuda Wilayah Persekutuan menyarankan agar Ahmad Zahid mengundurkan diri "jika beliau tidak mampu untuk terus memimpin pergerakan ini".

Katanya, mesyuarat bulanan Pemuda Umno Wilayah Persekutuan yang dihadiri ketua-ketua pemuda bahagian di sini semalam juga itu sebulat suara menyatakan taat setia dan menyokong tindakan Dr Mahathir dalam menangani isu itu.

Mereka juga menolak dakwaan Anwar tentang wujudnya konspirasi di kalangan pimpinan Umno dan jentera kerajaan untuk menjatuhkannya.

"Kami juga merasa kesal dengan penglibatan segelintir palajar dan

anggota pertubuhan bukan kerajaan seperti ABIM dan Majlis Belia Malaysia yang cuba mengeruhkan suasana sebelum dan selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra malam kelmarin," katanya.

"Perbuatan tidak menghormati pemimpin bukanlah budaya kita dan mereka tidak seharusnya terikut-ikut dengan tindak tanduk para pelajar di negara jiran kerana keadaan dan sistem kita berbeza," katanya.

-- BERNAMA

AZZ RA RI